



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERASMIAN PESTA
SUKAN PERPUSTAKAAN
AWAM SE-MALAYSIA KE - 22**

OLEH

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA
BALA MOHAN
DEPUTY MINISTER OF FEDERAL
TERRITORIES**

**Tarikh : 10 Nov. 2017
(Jumaat)**

Masa : 9.00 pm

**Tempat : Stadium Titiwangsa,
Jalan Tembeling**

**Terima kasih Saudara/i
Pengerusi Majlis.**

*(salutasi akan diberikan
pada hari Majlis)*

**Salam Sejahtera dan Salam
Negaraku Malaysia,**

**Pada kesempatan ini
izinkan saya untuk
merakamkan setinggi
penghargaan dan terima
kasih kepada Jawatankuasa
Induk SPASM ke-22 yang
saya percaya telah
berusaha keras merancang
untuk memastikan segala
perancangan dilaksanakan -**

**dengan baik dan temasya
sukan berjalan lancar.**

**Saya juga berterima kasih
kepada Jawatankuasa
Pertandingan yang terdiri
daripada Ahli Kelab Sukan
DBKL yang banyak
membantu dalam aspek
teknikal dan peraturan
perlawanan sukan yang
dipertandingkan.**

**Tanpa peruntukan
kewangan yang mencukupi
pastinya temasya sukan ini
tidak dapat berjalan dengan
sempurna.**

**Justeru, saya ingin
mengucapkan terima kasih
kepada Tan Sri Datuk
Bandar Kuala Lumpur dan
barisan Pengurusan
Tertinggi DBKL di atas
sokongan padu mereka
kepada program ini.**

**Komitmen mereka
menyokong temasya ini
haruslah dilihat oleh warga
kerja Perpustakaan Kuala
Lumpur dan -**

**semua peserta sebagai satu
usaha kerajaan
menggalakkan anggota
penjawat awam untuk lebih
bermotivasi berkhidmat
demi kesejahteraan rakyat.**

**Terima kasih juga kepada
Yang Berbahagia Tan Sri
Matshah Safuan, Pengurus
Lembaga Penasihat
Perpustakaan Kuala Lumpur
yang saya difahamkan
begitu komited memberi
nasihat dan memantau
gerak kerja untuk
memastikan Perpustakaan -**

Kuala Lumpur dapat melaksanakan tugas dengan sempurna sebagai tuan rumah. Saya mendoakan supaya temasya sukan ini akan dapat berjalan dengan teratur dan lancar.

Tuan-tuan dan puan-puan,
Kami di Kementerian
Wilayah Persekutuan juga
turut mengharapkan supaya
Perpustakaan Kuala Lumpur
sebagai tuan rumah dapat
mempamerkan keikhlasan
dalam menyediakan khidmat
sokongan dan hospitaliti
kepada para tetamu kita.

**Pastinya juga sebagai
'stakeholder' kita
mengharapkan pasukan
Perpustakaan Kuala Lumpur
akan mendapat tempat yang
baik dalam pesta sukan ini.**

Kepada semua peserta kontinjen baik sebagai pemain, mahupun sebagai penyokong dalam bertanding, dalam kita mengejar kejuaraan, ingatlah bahawa kalah menang adalah adat bertanding.

**Oleh itu peliharalah
semangat setia kawan
semasa di gelanggang.

SPASM adalah jambatan
untuk menyatukan bukan
untuk merenggangkan
warga kerja dalam industri
ilmu kepustakawanan.**

**Dengan kata-kata nasihat
ini, saya dengan rasa penuh
sukacitanya merasmikan
Sukan Perpustakaan Awam
SeMalaysia (SPASM) Ke-22
di Kuala Lumpur.**

Sekian, terima kasih.